



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
25 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	25 September 2024
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	7

Oleh HAFIZ SAIDINA
hafizumor@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCCE) 2024 yang dijadualkan berlangsung dari 30 September hingga 2 Oktober ini akan membincangkan secara terperinci mengenai Kecerdasan Buatan (AI) dalam tenaga kerja masa hadapan.

Program itu merupakan lanjutan daripada kejayaan NHCCCE 2023 yang menerima sambutan menggalakkan daripada peserta-peserta dari rantaui Asia Tenggara dan akan berlangsung di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur.

NHCCCE 2024 yang bertemakan 'Menginsan Kecerdasan Buatan (AI) untuk Tenaga Kerja Masa Depan' bertujuan menangani wacana penting mengenai peranan AI di tempat kerja dan kefahaman untuk masa depan tenaga kerja.

Melalui persidangan ini, NHCCCE 2024 juga akan menumpukan cara menangani cabaran dan memanfaatkan peluang pertumbuhan AI untuk tenaga kerja dan bakat di seluruh dunia.

Sehubungan itu, proliferasi AI di peringkat global telah memberi kesan besar dalam memajukan pembangunan modal insan.

Platform pembelajaran berkusahaan AI dan pembantu maya akan membantu memudahkan pembangunan kemahiran dan pemerolehan pengetahuan untuk pekerja serta membolehkan

HRD Corp anjur acara modal insan terbesar di ASEAN

NHCCE 2024 NATIONAL HUMAN CAPITAL CONFERENCE & EXHIBITION

pekerja menyusaikan diri dengan keperluan pekerjaan yang sentiasa berubah dan kekal kompetitif di pasaran pekerjaan global.

Ini tetap menjadi pemangkin dalam perbincangan dan inisiatif yang sedang berjalan bagi membentuk masa depan pekerjaan dan pembangunan bakat di seluruh dunia.

NHCCCE 2024 akan menampilkan lebih 30 tokoh terkenal dunia dalam bidang modal insan, pengamal serta pakar-pakar bidang HR akan membuat penampilan pada NHCCCE kali ini.

Antaranya, Mehdz Hasan yang merupakan wartawan dan pengulas politik British-Amerika yang telah memenangi pelbagai anugerah.

Beliau pernah bekerja dengan saluran berita dan penerbitan terkenal seperti The Guardian, Al Jazeera, Peacock, dan MSNBC, di mana beliau menjadi hos rancangan 'The Mehdz Hasan Show'.

Turut serta, John Mattone

yang merupakan salah seorang jurulatih eksekutif terbaik di dunia dan pernah bekerja dengan tokoh legenda industri termasuk Steve Jobs dari Apple dan Roger Enrico dari Pepsi.

Beliau juga merupakan perintis Kepemimpinan Pintar (IL) kepada satu sistem kejurulatihan yang mengarahkan pemimpin ke arah kepimpinan yang luar biasa menggunakan falsafah dan kaedah pertumbuhan yang bersifat transformasi dan berorientasikan hasil.

Selain itu, tokoh dunia dalam aktauntabiliti, pengukuran dan penilaian, Dr. Jack J. Phillips yang menyediakan perkhidmatan perundingan untuk syarikat Fortune 500 dan organisasi global utama juga akan berkongsi pengalamannya.

Beliau pernah mengendalikan bengkel dan pembentangan di persidangan global.

Persidangan itu juga melibatkan Penceramah global dan pemimpin dunia dalam transformasi manusia, Dr. Justin Cohen yang telah melatih beribu-ribu individu dari lebih

40 negara dan berkongsi pentas dengan tokoh ikonik seperti Deepak Chopra, Richard Branson, John Maxwell, dan Jack Canfield.

Selain perbincangan yang merangsang pemikiran, NHCCCE 2024 juga akan menjadi tempat berlangsungnya salah satu pameran terbesar di Malaysia pada tahun ini.

Pameran yang akan berlangsung selama tiga hari ini dibuka kepada orang awam secara percuma dijangka akan disertai lebih 300 pameran terkenal yang menyajikan trend terkini dalam model peningkatan kemahiran, teknologi baharu dan platform kesejahteraan yang akan menggalakkan pertumbuhan organisasi serta perkembangan individu.

Mereka yang berminat untuk menghadiri pameran tersebut boleh mendaftar di <https://form.evenesys.com/NHCCE2024/visitor>.

Pelbagai aktiviti menarik akan turut diadakan seperti sesi poket talk yang akan disampaikan oleh pakar-pakar industri dan selebriti terkenal tanah air seperti Lai Ahmad dan Ally Iskandar; padanan

perniagaan atau business matching; pameran kerjaya; kaunter khidmat nasihat serta produk HRD Corp; dan pelbagai aktiviti lain.

Pas masuk ke NHCCCE 2024 kini juga dibuka untuk pembelian di mana Pas Standard berharga RM3,200, manakala Pas Kumpulan boleh didapati dengan harga RM2,900 setiap orang dengan syarat sekurang-kurangnya lima peserta.

Penjawat awam pulak hanya perlu membayar RM2,500 untuk Pas Kerajaan, sementara pelajar hanya perlu membayar RM700 untuk mendapatkan Pas Pelajar.

NHCCCE 2024 juga membuat penjualan Pas Antarabangsa kepada delegasi luar negara pada harga USD 1,200 untuk Pas Standard dan USD 900 untuk setiap orang bagi Pas Kumpulan, dengan sekurang-kurangnya tiga orang delegasi.

Untuk maklumat lanjut mengenai NHCCCE 2024, sila layari <https://hrdcorp.gov.my/nhcce/> atau hantar emel ke nhcce@hrdcorp.gov.my.

Peserta juga boleh menghubungi talian **03-7661 6255** untuk maklumat lanjut.